

NASI KERABU SEBAGAI IN- SPIRASI REKA CORAK BARU BATIK SKRIN

**Bagi merialisasi-
kan penghasilan
produk ini dengan
lebih cepat dan
banyak, penulis
bakal berko-
laborasi dengan
Pusat Pemulihan
Akhlaq, Ma-
chang, Kelantan**



**Usahawan
& Strategi**

NASI KERABU SE- BAGAI INSPIRASI REKA CORAK BARU BATIK SKRIN

¹Faculty of Art & Design (Textile Design), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Kelantan, Malaysia. ²Faculty of Art & Design (Textile Design), UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Cawangan Kelantan, Malaysia

**Email Penulis: zainab62@uitm.edu.my*


Sebagai tenaga pengajar dan juga penggiat seni, saya berasa amat berbangga dapat berkecimpung didalam bidang ini terutamanya Seni Reka Tekstil. Berada didalam bidang ini cukup bertuah kerana bidang ini cukup lengkap dengan teori serta bidang latihan amali yang terbahagi kepada tiga disiplin utama iaitu tekstil batik, tekstil cetakan dan juga tenunan. Selain dari itu, pendedahan kepada penghasilan lukisan kajian tentang alam flora, fauna, bahan buatan manusia serta banyak lagi bahan kajian sebelum menghasilkan rekaan motif dan susunan reka corak. Antara bidang lain yang penting sebagai pereka tekstil ialah lukisan kajian, membuat pola dan bentuk pakaian, pengenalan tentang rekaan secara berkomputer atau CAD (Computer Aided Design).

Mengulas tentang tajuk “Nasi Kerabu Sebagai Inspirasi Reka Corak Baru Batik Skrin” bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia tekstil namun, pemilihan subjek kajian yang unik dapat menarik minat kepada generasi masa kini untuk mengenali tentang masakan tradisional masyarakat Malaysia terutama di negeri Cik Siti Wan Kembang, Kelantan menerusi rekaan tekstil. Kita kini telahpun memasuki era industri revolusi yang ke 4, dimana pada era ini pereka lebih celik tentang teknologi maklumat (IT) dan mula menghasilkan karya atau produk baru yang pantas dan menjimatkan kos produktiviti dengan bantuan sistem komputer atau digital. Dengan memilih kaedah penghasilan reka corak motif dan susunan reka corak tekstil menggunakan bantuan perisian berkomputer (CAD), reka corak motif dan susunan dapat dihasilkan dengan pantas dan tepat serta produktiviti dapat meningkatkan ekonomi terutama sebagai pengusaha.

Pada masa kini, masih lagi terdapat kaedah pembuatan batik secara tradisional menggunakan lilin panas iaitu dengan kaedah batik blok, batik lukis dan tidak kurang juga dengan gaya terkini penghasilan batik skrin dengan menggunakan lilin sejuk (cold wax) yang lebih menjimatkan kos pembuatan dan tenaga kerja serta hasil yang konsisten dan amat produktif. Bagi pemasaran pula, sasaran rekaan baru iaitu nasi kerabu dan ulam-ulaman ini bakal menarik minat terutama golongan remaja yang suka kepada perkara tular atau “viral” dan berkaitan dengan kehidupan seharian kita contohnya terdapat pereka batik yang menggunakan watak adiwira sebagai motif yang dapat menarik minat banyak golongan. Selain dari kaedah pembuatan reka corak motif, konsep susunan motif dan gaya rekaan juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan batik yang dihasilkan dapat diterima oleh semua golongan. Contohnya penulis menghasilkan reka corak baru yang mempunyai gaya Inggeris dengan kaedah lakaran lukisan yang bebas dengan menggunakan komputer yang bertemakan warna hitam dan putih dimana ianya sekaligus dapat menjimatkan kos penggunaan warna dan corak yang lebih ringkas. Setelah rekaan motif dan susunan motif dibuat, rekaan ini bolehlah dicetak menggunakan cetakan batik skrin menggunakan lilin sejuk ke atas fabrik asli yang pelbagai contohnya kain kapas, kain sutera, kain satin dan sebagainya. Kemudian, fabrik ini boleh dijadikan sebagai produk yang berbentuk pakaian, aksesori fesyen, kemasan lembut dan juga kegunaan harian yang lain.

Bagi merialisasikan penghasilan produk ini dengan lebih cepat dan banyak, penulis bakal berkolaborasi dengan Pusat Pemulihan Akhlak, Machang, Kelantan. Pertandingan ini telah membuka ruang pereka untuk menghasilkan reka corak baru batik pada tahun 2021 dimana

pemenang bakal menghasilkan batik yang akan dibantu oleh penghuni pusat tersebut dengan kos upah yang murah namun, penghuni tetap mendapat ganjaran yang baik dimata dunia. Semoga perkongsian ini serba sedikit dapat membuka minda para pendidik, penggiat seni dan pengusaha bagi menghasilkan produk baru yang mengikut arus perubahan zaman.



Rajah 1: Rekaan motif dan susunan motif menggunakan perisian Adobe Photoshop



Rajah 2: Cadangan reka letak motif di atas fabrik atau produk

Rujukan

- [1] Adriana Y.S.D. (2018). 'Future Trend In Production And Consumption In Textile And Fashion Design: The Fourth Industrial Revolution'. Latest Trend in textile and fashion designing 1(1)-2018. LTTFD. MS.ID.000102. doi: 10.3274/LTTFD.2018.01.000102
- [2] Advantages of CAD/CAM in Textile (2017, October 29). Retrieved from: <https://study.com/academy/lesson/advantages-of-cad-cam-in-textile.html>.
- [3] Kembara Kraf Selangor: Desa Alam Batek (2020). Retrieved from: <https://escapytravel.com/desaalambatek/>
- [4] Pernah Dianggap 'Gila', Pemilik Jenama Bujins Ini Cabar Diri Angkat Tema Adiwira Pada Motif Batik. (2019, September 04). Retrieved from: <https://www.mstar.com.my/xpose/mode/2019/09/04/batik-adiwira>
- [5] Yamini J. (2018). Automation in Garment Manufacturing: The Textile Institute Book Series. Computer-Aided Design- Garment Designing and Patternmaking, Pages 253-290. doi: <https://doi.org/10.1016/B978-0-08-101211-6.00011-2>

